

## **BAB VII**

## **PENUTUP**

## BAB VII

## PENUTUP

Setelah kajian dibuat mengenai perjalanan hidup Dato' Haji Ismail bin Yusoff dan sumbangannya terhadap perkembangan Islam di Kelantan, penulis dapat menarik beberapa kesimpulan umum dan khusus serta mengutarkan beberapa saranan kepada pihak berkenaan.

### 1. KESIMPULAN

#### 1.1 Kesimpulan Umum

- i. Negeri Kelantan telah melahirkan ramai tokoh yang banyak memberi sumbangan dalam berbagai bidang terutama agama, politik, pendidikan dan persuratan. Antaranya ialah Tok Pulai Chondong, Tok Wan Ali Kutan, Tuan Tabal, Tok Kenali, Haji Wan Musa, Tok Selehor, Kadir Adabi, Dato' Asri Haji Muda, Dato' Haji Mohamed bin Nasir, Dato' Yusof Zaki dan ramai lagi merupakan tokoh yang tidak asing kemasyhuran mereka di kalangan rakyat Kelantan dan Malaysia.
- ii. Seawal tahun 1780-an lagi Kelantan telah dikunjungi oleh para penuntut dari dalam dan luar negeri untuk mempelajari ilmu-ilmu Islam di institusi pengajiannya yang terkenal.

- iii. Hasil dari perjuangan ulama' dua abad yang lalu telah membentuk sebuah masyarakat Kelantan yang kuat berpegang kepada ajaran agama dan merupakan di antara negeri yang majoriti penduduknya Melayu dan pengikut agama Islam yang menjangkau 94.5 % dari keseluruhan penduduknya.
- iv. Kelantan juga boleh dianggap sebagai sebuah negeri yang unik di Semenanjung Malaysia berbanding dengan negeri-negeri Melayu yang lain. Di kalangan anak Kelantan lahir ramai tokoh yang terkenal dalam bidang politik, kesusastraan, seni dan yang paling utama ialah bidang agama adalah berasal dari Kelantan. Keunikan ini diakui oleh para sarjana tempatan dan juga antarabangsa.
- v. Walaupun sukar untuk mendapatkan tarikh yang tepat mengenai kemasukan Islam ke negeri Kelantan, namun dengan berpandukan kepada beberapa catatan dalam buku-buku sejarah yang berkaitan dengannya, sama ada hasil penulisan tokoh-tokoh sejarah tempatan atau asing, maka dapat dibuat suatu kesimpulan bahawa Islam telah bertapak di Kelantan lebih awal dari negeri-negeri Melayu di Semenanjung sekitar abad ke 10 M.
- vi. Dengan gelaran "Serambi Mekah" yang menjadi jolokan bagi negeri Kelantan membayangkan Islam amat kuat dihayati oleh rakyat dan pemerintah di negeri ini. Penghayatan Islam di Kalangan masyarakatnya bermula dari istana hingga rakyat jelata. Raja-raja Kelantan beberapa kali menjalankan hukuman mengikut al-Qur'an seperti di zaman pemerintahan Sultan Ahmad (1886-1889 M) dan Sultan Mansur (1890-1900 M). Begitu juga Sultan Muhammad II (1837-1886 M) merupakan Sultan Kelantan yang melakukan pemerintahan lebih teratur dan

mengikut undang-undang Islam di mana beliau melantik Mufti sebagai ketua hakim.

vii. Raja-raja yang memerintah Kelantan amat kuat beragama kerana sentiasa didampingi oleh para ulama'. Ada di antara mereka yang terkenal dengan kewarakan seperti Sultan Mansur (1891-1900). Penguasaan hukum Islam telah berkembang di zaman pemerintahannya.

viii. Para ulama' telah memainkan peranan yang besar dalam perkembangan Islam di Kelantan. Ulama' telah mendampingi para pemerintah negeri semenjak awal-awal Islam lagi, hingga kini jawatan Mufti merupakan jawatan agama yang tertinggi dalam hearaki pentadbiran negeri dan bertanggungjawab menasihati sultan dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan agama Islam dan kepentingan penganutnya.

ix. Kewujudan tiga badan berkanun negeri iaitu MAIK, JAHEAIK dan YIK yang bertanggung jawab mengawal hal-hal berkaitan agama Islam menunjukkan kesungguhan kerajaan negeri meningkatkan penghayatan Islam di kalangan rakyat.

x. Kurun ke-19 merupakan kemuncak pengajian pondok di Kelantan tetapi kini institusi itu telah mula pudar dengan kematian ulama'-ulama' yang menjadi tunggak kewujudan pengajian Islam tradisional di Kelantan.

xi. Kelantan tidak ketinggalan dari arus perkembangan persuratan dan kesusteraan Melayu Islam. Semenjak sebelum merdeka lagi para ulama' dan inteligensi Melayu Kelantan telah menerbitkan berbagai buku, majalah dan akhbar untuk membina pemikiran orang Melayu. *Pengasuh* merupakan majalah tertua di nusantara yang masih diterbitkan hingga kini. Jasa dan sumbangannya amat besar kepada orang Melayu Islam di Kelantan dan tanah air keseluruhannya.

## 1.2 Kesimpulan Khusus

- i. Nama Dato' Haji Ismail sebaris dalam angkatan ulama' era pasca kemerdekaan yang dilahirkan dari institusi pengajian Islam tradisional di bawah bimbingan tokoh-tokoh ulama' Kelantan seperti Tok Khurasan , Tok Kenali dan lain-lain. Sepanjang hidupnya beliau telah menghabiskan usia untuk ilmu pengetahuan dan menyebarkannya kepada masyarakat sama ada dalam bentuk pengajaran secara formal di sekolah, penulisan makalah dan buku-buku atau mengajar di masjid-masjid jajahan seluruh negeri Kelantan.
- ii. Beliau merupakan tokoh pendidikan Islam Kelantan dan banyak menabur jasa kepada masyarakat Islam tanah air. Latar belakang kehidupannya melambangkan kehidupan seorang ulama' yang alim dalam ilmu agama serta wara' dalam menjalani kehidupan dunia. Hasil dari didikannya telah lahir angkatan ulama' muda dalam dekad 70-an dan 80-an yang jasa-jasa mereka masih dapat dirasai oleh umat Islam kini.

- iii. Ketokohan beliau dalam ilmu Islam dapat dilihat pada penampilan dan penulisan yang dihasilkan. Benih yang baik itu telah menular kepada anaknya yang kini merupakan seorang profesor pengajian Islam di sebuah universiti tempatan. Seorang ulama' yang berpandangan jauh dan amat sederhana dalam perkara-perkara *khilafiyat* tetapi tegas dalam perkara dasar.
- iv. Beliau merupakan anak sulung dari empat orang adik beradik seibu sebapa. Mereka ialah almarhum Dato' Haji Ismail, Halimah, Haji Muhamad Nor, dan Zawiah. Setelah kematian ibunya, ayahnya beliau telah mengahwini seorang wanita dari Kg. Canggal, Gaal, Pasir Puteh. Ibu tirinya bernama Mariam binti Salleh. Hasil dari perkahwinan tersebut, almarhum mendapat dua orang adik iaitu Muhamad Sahimi dan Nuruddin. Keluarga beliau adalah sebuah keluarga yang patuh dan taat kepada ajaran agama.
- v. Dato' Haji Ismail telah mendapat pendidikan dari institusi pendidikan Islam tradisional sama ada di tanah air atau di Mekah. Beliau merupakan seorang tokoh ulama' yang lahir dari didikan ulama'-ulama' besar di Kelantan dan Mekah.
- vi. Sebagai seorang ulama' yang 'amilin beliau tidak suka menghabiskan masa dengan begitu saja. Setiap detik dari hidupnya dipenuhi dengan ibadat sama ada bersolat sunat, mentalaah kitab-kitab, menulis makalah atau buku mengenai Islam atau berfikir mengenai permasalahan agama. Beliau amat mengambil berat mengenai waktu lapang.

vii. Almarhum mempunyai minat yang mendalam mengenai barang-barang antik dan ukiran. oleh kerana itulah beliau banyak menyimpan barang-barang tersebut seperti keris, cincin dan bahan logam. Beliau mempunyai koleksi keris Melayu sebanyak 11 bilah dan beberapa bentuk cincin dan barang hiasan yang lain yang kini tersimpan di rumahnya.

viii. Kronologi sumbangan Dato' Haji Ismail dalam bidang pendidikan Islam bermula dari tarikh kepulangan beliau dari Tanah Suci, di mana beliau telah membuka pondok kemudiannya menjadi guru di Jamie' Merbau al-Ismaili. Setelah berkhidmat di Jamie' Merbau selama 19 tahun beliau ditugaskan mengajar di Masjid Muhammadi, Kota Bharu. Semasa menjadi guru di Jamie' Merbau beliau sempat bersama-sama dengan Persatuan Guru Agama menubuhkan Maktab Pengajian Islam, Jalan Bayam, Kota Bharu dan pada tahun 1968 beliau dilantik sebagai anggota Lembaga Peperiksaan Majlis Agama Islam Kelantan. Setelah berbakti selama 20 tahun dalam bidang pendidikan beliau beralih mencurahkan bakti dalam bidang pentadbiran agama.

ix. Dengan permulaan sebagai Qadhi Jajahan Kota Bharu pada 1hb. Mei 1969 beliau memulakan kerjaya pegawai pentadbir agama setelah itu bertukar ke Pejabat Mufti Kerajaan Negeri sebagai setiausaha Mufti. Pada tahun 1979 beliau dilantik sebagai Timbalan Mufti setalah jawatan itu diwujudkan buat pertama kalinya. Lapan tahun berkhidmat bersama Dato' Mufti Haji Muhammad Noor sebagai timbalannya sehingga pada 1hb. April 1987 telah dilantik oleh baginda sultan Ismail sebagai Mufti kerajaan negeri yang ke-10 menggantikan Dato' Haji Muhd. Noor yang telah meninggal dunia.

- x. Dato' Haji Ismail telah dianugerahkan Darjah Kebesaran Setia Mahkota Kelantan Yang Amat Terbilang ( al-Ibrahimi ) D.P.S.K yang membawa gelaran Dato' oleh KeBawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ismail Petra Ibn al-Marhum Sultan Yahya Petra sempena sambutan ulang tahun keputeraan baginda pada 31hb. Mac 1980 bersamaan 14hb. Jamadil Awwal 1400 H. Dan pada tahun 1987 Almarhum telah di anugerahkan pingat M.P.N ( Majlis Penasihat Negeri ) dan Pingat M.P.R (Majlis Penasihat Raja). Dan bagi mengenang jasa bakti Almarhum Dato' Haji Ismail dalam bidang pendidikan Islam di Kelantan beliau telah dipilih sebagai Tokoh Pendidikan Yayasan Islam Kelantan pada 18hb. Julai 1985.
- xi. Almarhum Dato' Haji Ismail tergolong dari kalangan tokoh ulama' tradisional Kelantan yang banyak menghasilkan buku-buku dan tulisan agama. Walaupun sibuk dengan tugas-tugas harian seperti mengajar di Jamie' Merbau al-Isma'ili dan masjid Muhammadi serta tugas-tugas kemasyarakatan yang lain. namun beliau sempat menghasilkan 30 buah buku yang ditulisnya sendiri atau ditulis bersama penulis lain dan terdapat lebih dari 49 buah artikel dan kertas kerja mengenai berbagai permasalahan. Ada di antaranya telah disiarkan dalam majalah pengasuh dan lain-lain
- xii. Dilihat dari latar belakang pendidikan dan cara hidup sehari-hari. beliau adalah seorang tok guru pondok tradisional. Sebaliknya jika ditinjau dari tulisan-tulisannya menampakkan bahawa beliau adalah seorang ulama' yang bukan sahaja mahir dalam ilmu-ilmu agama bahkan mempunyai pengetahuan yang luas mengenai persoalan daripada perkembangan semasa. Beliau menulis dengan gaya baru

yang menarik dan mudah difahami berbeza dari tulisan ulama' yang sealairan dengannya.

xiii. Ketokohan Dato' Haji Muhd. Noor dalam menguasai ilmu-ilmu Islam diserlahkan lagi dengan gandingan Dato' Haji Ismail yang merupakan seorang ulama' yang tekun dalam menghasilkan buku-buku dan tulisan agama disamping penguasaannya dalam ilmu-ilmu alat.

## 2. SARANAN

- i. Penulis menyarankan supaya usaha penulisan biografi tokoh-tokoh ulama' ini akan diteruskan oleh para pengkaji sejarah agar jasa dan pengorbanan mereka dapat diabadikan serta menjadi tatapan dan tauladan generasi yang akan datang.
- ii. Penulis telah melalui suatu pengalaman yang sungguh bermakna dalam hidup penulis di sepanjang penulisan biografi Dato' Haji Ismail. Gagasan pemikiran serta gaya penulisannya sedikit sebanyak telah mempengaruhi corak dan gaya penulisan penulis. Hingga kini boleh dikatakan tidak ramai mereka yang mampu menulis sebuah biografi tokoh-tokoh masyarakat dengan persembahan dan gaya yang benar-benar menarik. Oleh itu disarankan kepada Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam agar mencadangkan kepada calon-calon sarjana dan sarjana muda memperbanyak tulisan mengenai biografi tokoh-tokoh ulama' dan masyarakat tanah air.

- iii. Kepada kerajaan negeri Kelantan disarankan agar meneruskan sistem pendidikan Islam yang dipelopori oleh tokoh-tokoh ulama' silam agar kesinambungan silam dan keutuhan masyarakat Islam dapat dipertahankan.
- iv. Golongan pemerintah dan masyarakat hendaklah sentiasa berganding bahu memantapkan sistem pendidikan Islam dengan meningkatkan sarana dan prasarana pusat-pusat pendidikan Islam di bandar dan di pedalaman.
- v. Kestabilan politik dan perpaduan hendaklah diwujudkan bagi meninggikan taraf pendidikan Islam di kalangan masyarakat.
- vi. Pihak MAIK sebagai badan yang bertanggung jawab ke atas penerbitan *Pengasuh* seharusnya memperbaharui beberapa aspek dalam penerbitan majalah tertua itu. antarananya ialah isi kandungan, penampilan dan penggunaan tulisan jawi haruslah diseimbangkan dengan tulisan rumi bagi menarik golongan muda untuk membaca majalah tersebut. Walau bagaimana pun beberapa aspek lain haruslah dipertahankan sebagai ciri utama majalah *Pengasuh* iaitu sebuah majalah yang berteraskan dakwah bukannya keuntungan dan ilmu-ilmu turath yang sentiasa menjadi penyeri majalah tersebut.
- vii. Penulis menyarankan kepada MAIK agar segala tulisan dan kertas kerja yang pernah dihasilkan oleh Dato' Haji Ismail dikumpul dan dibukukan agar gagasan pemikiran dan pandangan beliau dapat ditinjau oleh generasi yang akan datang.

- viii. Untuk mengenang jasa-jasa tokoh ulama' dan ahli akademik, penulis mencadangkan kepada pihak yang berwajib supaya menamakan tempat-tempat penting sempena dengan nama mereka. Ini dilakukan supaya jasa-jasa dan pengorbanan mereka menjadi ingatan dan teladan kepada masyarakat seperti nama-nama jalan, bangunan, jambatan, pusat-pusat pengajian dan sebagainya.
- ix. Penulis juga mencadangkan kepada pihak muzium negeri, Arkib Negara dan pihak-pihak lain supaya menyimpan dan mengumpul data-data para negarawan tempatan untuk dipamerkan kepada masyarakat. Ini adalah kerana penulis dapat pihak-pihak berkenaan hanya tertumpu kepada beberapa orang tokoh sahaja.

### 3. KATA PENUTUP

Sebagai kata penutup, penulis merasakan bahawa kajian ini belum sempurna bagi meninjau keseluruhan kehidupan almarhum Dato' Haji Ismail dari kecilnya hingga beliau meninggal dunia. Segala ulasan dan pemahaman penulis mengenai apa yang diutarakan oleh beliau hanyalah bersifat relatif dari kecetekan ilmu yang ada pada penulis.

Tulisan ini bukanlah bertujuan menyenaraikan semua peristiwa dari kehidupan almarhum Dato' Haji Ismail, bolehlah diumpamakan sebagai seorang pengembara yang mengambil beberapa keping gambar yang menarik di sepanjang pengembaraannya. Pastinya masih banyak tempat-tempat yang menarik yang tidak sempat diambil oleh pengembara itu .

Melalui kajian ini penulis merasakan diri dan kehidupan beliau amat dekat dalam kehidupan penulis walau pun penulis tidak diberi kesempatan berguru dengannya. Namun segala tulisan beliau sama ada dalam bentuk buku, artikel dan kertas kerja sentiasa tersimpan dalam memori ingatan penulis. Akhirnya penulis menjadikan beliau sebagai seorang guru yang telah memberi tunjuk ajar kepada penulis dalam memahami kehidupan, ilmu pengetahaun dan erti ketekunan.

Penulis mendoakan semoga rohnya sentiasa berada dalam rahmat Allah s.w.t bersama para solihin, shuhada' dan anbiya'. Disedekahkan sekalung al-Fatihah buat almarhum Dato' Haji Ismail.